

KERJA BERPASUKAN TUNJANG KECEMERLANGAN ORGANISASI

PENGENALAN KERJA BERPASUKAN

Peribahasa %Berat Sama Dipikul dan Ringan Sama Dijinjing+ amat sinonim dengan budaya yang diamalkan oleh masyarakat majmuk di Malaysia. Semua bangsa Melayu, Cina, India dan pelbagai kaum Sabah dan Sarawak telah dididik dengan amalan bergotong royong dan saling bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan dan tugas yang diberikan seperti membina rumah, membersihkan kawasan perkuburan, menyempurnakan jenazah dan melangsungkan majlis perkahwinan dan kenduri kendara yang lain.

Amalan ini juga adalah teras kepada kerja berpasukan yang diterapkan di kalangan penjawat awam. Kecemerlangan sesebuah organisasi adalah hakmilik keseluruhan organisasi dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan selari dengan frasa %saya yang menjalankan amanah+. Kerja Berpasukan atau *Espirit de corp* juga adalah salah satu elemen dalam nilai bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang bermaksud bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) untuk mencapai visi dan misi jabatan.

Kerja berpasukan boleh didefinisikan sebagai satu kumpulan kerja dan ahli-ahlinya menjalankan tugas bersama dan berusaha mewujudkan suasana kerja yang harmonis dengan satu matlamat yang sama iaitu menyiapkan tugas yang diberikan. Sesebuah pasukan juga mungkin terdiri daripada sebilangan individu dengan kemahiran yang berbeza dan saling bergantung antara satu sama lain untuk menyelesaikan tugas secara bersama.

CIRI-CIRI KERJA BERPASUKAN

Sesebuah organisasi amat memerlukan pegawai yang berupaya bekerja secara berpasukan bagi menjamin keharmonian dan kecemerlangan organisasi. Ciri-ciri kerja berpasukan boleh diringkaskan sebagaimana berikut:-

- Kepimpinan Ketua (berwibawa, berpengalaman, kecekapan dan komitmen)
 - Keanggotaan ahli (laksanakan tanggungjawab yang diamanahkan)
 - Rangkaian hubungan (jalinan hubungan yang mantap)
 - Cara penyelesaian masalah (menekankan kata sepakat)
 - Mencapai matlamat (tujuan yang satu dan tepat)
- i) Kepimpinan Ketua (berwibawa, berpengalaman, kecekapan dan komitmen)

Ketua memainkan peranan utama dan menjamin kejayaan kerja berpasukan. Tanggungjawab ketua amat besar terutamanya dalam menangani cabaran dan krisis dalam kerja berpasukan. Seorang ketua yang cemerlang juga mampu menunjukkan teladan yang baik kepada ahli pasukan yang lain, bersikap jujur dan terbuka, cekap, pintar dan kreatif. Ketua yang berwibawa juga mestilah bercita-cita

tinggi dan komited serta boleh mendorong orang lain untuk mencapai tujuan dan matlamat. Seseorang ketua juga hendaklah mempunyai pengalaman yang sewajarnya sebelum dilantik untuk mengetuai sesebuah pasukan terutamanya dalam menyelesaikan tugas yang rumit/kompleks (*complicated*) dan berprofil tinggi. Umur bukanlah penentu kepimpinan seseorang tetapi pengalaman dan kejayaan terdahulu adalah tunjang utama pelantikan seseorang untuk mengemudi sesebuah pasukan.

ii) Keanggotaan ahli (laksanakan tanggungjawab yang diamanahkan)

Semua ahli dalam sesebuah organisasi hendaklah didedahkan dengan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah mencapai matlamat dan halatuju serta kejayaan organisasi. Penerangan tersebut dapat memberikan hala tuju yang jelas kepada semua ahli tentang peranan yang dimainkan dan kompetensi yang boleh disumbangkan dalam memacu pembangunan organisasi ke arah mencapai kejayaan dan kecemerlangan organisasi. Ia juga mampu memberikan motivasi kepada setiap ahli dalam menggembungkan tenaga untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan.

iii) Rangkaian hubungan (jalinan hubungan yang mantap)

Kerja berpasukan bukan mudah dilaksanakan. Pelbagai ragam dan gelagat ahli kumpulan yang boleh menjadi punca perpecahan. Oleh itu, setiap ahli hendaklah saling bekerjasama dan saling lengkap melengkapi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Setiap ahli juga hendaklah didedahkan dengan faedah yang diperoleh apabila kerja berpasukan berbanding kerja secara bersendirian. Kebaikan daripada segi penjimatan masa dan tenaga adalah perkara utama yang perlu difahamkan dan memberi kebaikan bersama kepada semua pihak yang terlibat.

iv) Cara penyelesaian masalah (menekankan kata sepakat)

Kata sepakat adalah faktor utama kejayaan sesebuah kerja berpasukan. Walau bagaimanapun, semasa proses menentukan penyelesaian dilakukan, semua pihak perlu saling bertolak ansur dan saling menerima pendapat yang diutarakan. Bak kata pepatah %menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berselerak%.

v) Mencapai matlamat (tujuan yang satu dan tepat)

Kejayaan paling besar dalam kerja berpasukan adalah apabila matlamat yang ditetapkan tercapai. Semua ahli pasukan diiktiraf dan diraikan hasil kerjasama yang diberikan sepanjang tugas dilaksanakan. Ahli pasukan juga boleh berbangga dengan hasil tugas tersebut kerana ia adalah usahasama dan kerja keras ahli pasukan dan bukan individu atau pegawai tertentu sahaja.

Kerja berpasukan boleh dibahagikan kepada empat bentuk utama seperti berikut:-

1. Kumpulan pasukan pemandu

Pengwujudan yang terpenting dalam menambahbaik sesebuah organisasi dan menyelesaikan masalah yang wujud dalam sesebuah organisasi. Berperanan dalam menyelesaikan masalah agihan kuasa, pembuatan keputusan, kepimpinan dan interaksi.

2. Kumpulan penyelesaian masalah

Kumpulan ini terdiri daripada 8 . 10 orang pegawai yang berperanan mencari penyelesaian untuk meningkatkan proses kerja, menambah kecekapan dan menceriakan suasana persekitaran seterusnya pencapaian matlamat organisasi.

3. Kumpulan pengurusan kendiri

Kaedah pelaksanaan kumpulan pengurusan kendiri adalah tanpa ketua dan setiap anggota bertanggungjawab menyelesaikan tugas khusus yang diberikan. Kumpulan ini bebas bergerak dan memilih anggota sendiri serta berupaya menilai prestasi kerja tanpa halangan.

4. Kumpulan silang fungsi

Kumpulan ini menggabungkan ahli daripada pelbagai jawatan dalam gred dan hierarki yang sama untuk menyelesaikan tugas khusus. Perkongsian maklumat berlaku dengan cepat dan mampu menjana idea-idea baharu serta menyelesaikan tugas-tugas yang lebih mencabar. Kekangan kumpulan ini adalah keterbukaan dan kesediaan ahli kumpulan untuk berkongsi kepakaran masing-masing dan saling memberi kepercayaan antara satu sama lain.

KEBERKESANAN KERJA BERPASUKAN

Kerja berpasukan mampu memberikan impak yang positif kepada ahli pasukan dalam sesebuah organisasi. Antara impak utama adalah memberi peluang kepada semua ahli dalam organisasi untuk menyalurkan idea-idea yang bermanfaat dalam meningkatkan kecemerlangan organisasi serta menambahkan kecekapan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Impak positif ini amat berkesan kerana kepuasan pelanggan adalah keutamaan semua organisasi terutamanya dalam sektor awam.

Komitmen pegawai dengan budaya kerja yang berkualiti juga dapat dilahirkan hasil daripada kerja berpasukan. Kos sesebuah jabatan juga dapat dijimatkan apabila pengurangan masa dan tenaga dicapai dalam pelaksanaan sesuatu tugas dengan penggunaan tenaga kerja yang produktif. Pegawai juga akan lebih dihargai dan

kepuasan serta keseronokan bekerja juga akan timbul. Ini seterusnya mampu menarik minat pegawai untuk rajin bekerja serta terbuka untuk menerima perubahan baharu dalam sesebuah organisasi.

Kebolehan berkomunikasi pegawai juga turut dipupuk dan mampu mengurus tugas yang diberikan dengan baik. Sifat kepimpinan yang ada seterusnya mampu menyelesaikan tugas atau permasalahan lain yang timbul pada masa akan datang. Pegawai juga akan lebih komited, rajin, berdikari dan mampu menyelesaikan tugas yang diberikan dengan pengawasan yang minimum.

Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran dan rintangan dalam pelaksanaan kerja berpasukan perlu diteliti dengan sewajarnya. Terdapat keadaan di mana kerja berpasukan bukanlah satu keperluan dan ada kalanya keputusan yang dibuat oleh seseorang ketua adalah lebih baik dan berkesan.

FAKTOR KEGAGALAN KERJA BERPASUKAN

Cabaran utama dalam kerja berpasukan adalah memberi kefahaman kepada sesebuah organisasi. Ini adalah kerana hala tuju matlamat yang sama yang akan memacu kepada kecemerlangan sesebuah organisasi. Ini juga yang boleh memberikan motivasi dan komitment pegawai dalam sesebuah tugas. Sekiranya kefahaman yang diberikan tidak jelas, maka hala tuju antara ketua dan sesama ahli mungkin akan berbeza dan menghasilkan output yang berbeza. Selain itu, kepercayaan juga sukar diukur dan diberikan. Tanpa kepercayaan, maka tidak mungkin wujudnya kerja berpasukan untuk mencapai matlamat dan hala tuju yang sama antara pegawai dan organisasi. Mewujudkan kepercayaan yang boleh dikongsi bersama adalah ibarat berhadapan dengan duri-duri di jalan.

Komitmen semua pegawai juga sukar diukur. Kekangan masa dan kurang kerjasama adalah faktor utama kemerosotan kerja berpasukan. Ini seterusnya menjurus kepada kehilangan motivasi pegawai lain yang bertungkus lumus menyiapkan tugas yang diberikan. Cadangan idea yang bercanggah dan tidak diterima juga antara faktor utama penurunan motivasi ahli kumpulan. Ini menyebabkan ahli kumpulan tidak memainkan peranan yang proaktif dalam menjayakan kerja berpasukan yang diberikan.

Bagi memupuk dan menjayakan kerja berpasukan, cabaran dan halangan-halangan tersebut hendaklah ditangani dengan sebaiknya. Semua ahli pasukan perlu bertolak ansur dalam perbincangan yang dibuat. Seterusnya keterlibatan semua ahli pasukan adalah faktor utama kejayaan dan pastikan semua keputusan dibuat secara sepakat di kalangan ahli kumpulan dengan mengambil kira semua faktor termasuk proses kontra sesuatu keputusan. Ahli kumpulan juga hendaklah saling berkongsi maklumat supaya semangat dan perasaan kepercayaan dapat diterapkan di kalangan ahli kumpulan.

Kesimpulannya, kerja berpasukan mampu menyelesaikan pelbagai masalah dalam sesebuah organisasi dan seterusnya meningkatkan kecekapan pegawai. Kecemerlangan sesebuah organisasi bukanlah disebabkan keupayaan dan prestasi

seorang pegawai tetapi kerjasama antara pegawai terlibat. Bak kata pepatah %bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat+.

RUJUKAN

- Nilai SPECIAL Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- <http://zahirzainudin.blogspot.com/2008/04/kerja-berpasukan.html>
Kerja berpasukan - Thursday, April 03, 2008
- <http://kemahirankерјаменурутіслам97.blogspot.com/2016/09/ciri-ciri-kerja-berpasukan.html>